



**SEMINAR HUKUM ISLAM SEMASA
PERINGKAT KEBANGSAAN
17 - 18 JUN 1997**

KERTAS KERJA UTAMA

***PERMASALAHAN INTELEKTUAL DALAM
PEMBINAAN HUKUM ISLAM
SEMASA DI MALAYSIA***

OLEH

PROF. MADYA DR. ABDULLAH @ ALWI HJ HASSAN

**ANJURAN
JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

PERMASALAHAN INTELEKTUAL DALAM PEMBINAAN HUKUM ISLAM SEMASA DI MALAYSIA

Kertas ini akan mengkaji beberapa aspek permasalahan antara aliran pemikiran di kalangan para intelektual dan perkembangan pemikiran hukum Islam semasa di Malaysia.

Sejarah Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia

i. Undang-Undang Islam sebelum Penjajahan Barat

Undang-undang Islam telah diamal di Malaysia seawal-awal zaman kedatangannya lagi, sebagaimana terbukti di Prasasti Terengganu bertarikh 14hb. Rejab 702 H. (Bersamaan 22hb. Februari 1303 M).¹ Di dalamnya diperuntukkan beberapa peraturan berhubung dengan undang-undang jenayah, urusan niaga dan pentadbiran.² Kemudian, Kesultanan-Kesultanan Melayu di Malaysia menulis undang-undang mereka sendiri untuk dikuatkuasakan di negeri-negeri masing-masing. Antaranya ialah seperti Risalat Hukum Kanun Melaka (ditulis antara 1446-1456) oleh Hang Sidi Ahmad,³ Undang-Undang Laut Melaka,⁴ Hukum Kanun Pahang (1596),⁵ Undang-Undang Kedah (Undang-Undang Pelabuhan 1650, Tembera Dato' Sri Paduka Tuan (1078 H./1667 M.), Hukum Qanun Dato' Star (t.t.), Undang-Undang

¹ Syed Naquib al-Attas, The Correct Date of Terengganu Inscription (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970), hal. 24.

² Abdul Samad Ahmad, Sejarah Kesusasteraan Melayu, 1 (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1957), hal. 36; M.B. Hooker, "The Trengganu Inscription In Malayan Legal History", Journal of the Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Vol. XLIX, Part 2, 1976, hal. 127-131.

³ Lihat Liaw Yock Fang (ed.), Undang-Undang Melaka (The Hague, 1976).

⁴ Undang-Undang ini ditulis pada masa yang hampir sama dengan penulisan Risalat Hukum Kanun Melaka, Lihat R.O. Winstedt & Josselin de Jong (eds.), "The Maritime Laws of Malacca", Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society, Vol. XXIX, Part III (1956), hal. 29-46; W.G. Shellabear, Sejarah Melayu (Petaling Jaya, Fajar Bakti, 1991), hal. 56-66.

⁵ J.E. Kampe dan R.O. Winstedt, "A Malay Legal Digest Compiled for `Abd al-Ghafar Muhaiyud-Din Shah, Sultan of Pahang 1592-1614, with undated additions", Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch (1948) (21) (1), hal. 1-19.

Kedah (1199 H./1784 M.),⁶ Undang-Undang Perak (Undang-Undang Kerajaan (t.t.), Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan (ditulis pada abad ke XVII) dan Undang-Undang Dua Belas (t.t.),⁷ Kanun Johor (1789),⁸ Kanun Kelantan (1168 H.)⁹ dan lain-lain lagi.

Pertumbuhan dan perkembangan undang-undang Islam pada zaman awal Islam di Malaysia ini tidak terencat, sama ada disebabkan oleh halangan dari dalam atau luar. Kalau pun ada pertembungan yang ketara pada masa ini ialah dari pengamalan adat yang kadang-kadang sudah tentu bercanggah sama sekali dengan prinsip-prinsip undang-undang Islam, tetapi dengan pelbagai cara telah diselesaikan antaranya, ialah dengan berpanduan kepada beberapa pendapat ulama' yang menegaskan bahawa adat tetap diterima pakai selama ia masih dipakai; hanya undang-undang Islam sahaja dipakai sekira ia bertentangan dengan hukum yang jelas; `adat `am diutamakan pemakaiannya dari adat khas; `adat dipakai sekiranya undang-undang syari`ah bersifat umum berhubung dengan amalan tertentu.¹⁰

Walau bagaimana pun undang-undang `adat tidak diterima sebagai salah satu sumber rasmi di dalam perundangan Islam,¹¹ ia hanya berfungsi sebagai satu prinsip subsidiari kepada undang-undang berkenaan.¹² Inilah apa yang diamalkan sepanjang sejarah perundangan Islam di Malaysia, sebelum kedatangan penjajah British. Tidak

⁶ R.O. Winstedt, "Kedah Laws", Journal of The Royal Asiatic Society - Malayan Branch (1928), 6(2), hal. 1-44.

⁷ R.O. Winstedt, A History of Classical Malay Literature (Kuala Lumpur, University of Oxford Press, 1977), hal. 170-171.

⁸ Ibid., hal. 171.

⁹ Lihat Johor Laws, State, etc. No. 386403 A fKF 4571 JLS, Perpustakaan Undang-Undang, University Malaya, hal. 113.

¹⁰ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, al-Ashbāh wa al-Nazā'ir (Kaherah, t.t.), hal. 102-109.

¹¹ J. Schaht, An Introduction to Islamic Law (Oxford: University of Oxford Press, 1964), hal. 62.

¹² M.J. Coulson, A History of Islamic Law (Edinburgh: University of Edinburgh, 1964), hal. 163.

terlihat pada masa ini apa-apa pertembungan antara pemerintah, 'ulama', ketua-ketua adat dan lainnya, selain daripada beberapa peruntukan berhubung dengan keistimewaan-keistimewaan yang terpaksa diberi kepada pihak istana dan pembesar-pembesar negeri.

ii. Undang-Undang Islam Pada Zaman Penjajahan Barat

a. Undang-Undang Islam pada masa Portugis dan Belanda

Pada masa Portugis menduduki Melaka dari 1511 hingga 1641 dan Belanda menakluki Melaka dari 1641 hingga 1795 dan dari 1818 hingga 1824, undang-undang adat dan Islam terus diamalkan oleh penduduk-penduduk tempatan.¹³ Pemerintah Portugis dan Belanda membiarkan bumiputera mengamalkan adat dan undang-undang mereka sendiri.¹⁴ Pada masa penjajahan dua kuasa besar Eropah ini, tidak wujud langsung apa-apa jenis pertembungan dan percanggahan antara undang-undang Islam yang diamalkan oleh rakyat tempatan dengan mana-mana sistem perundangan yang dibawa oleh pihak penjajah pada masa itu. Pertembungan perundangan sebenar bermula selepas kedatangan penjajah British ke Malaysia.

b. Undang-Undang Islam Pada Masa British

Undang-undang Islam terus diamalkan di Malaysia sehingga pihak penjajah British memberi kepada Pulau Pinang Piagam Keadilan Diraja pertama dalam tahun 1807,¹⁵ selepas dua puluh satu tahun Kapten Francis Light menduduki pulau ini pada

¹³ Wu Min Aun, *An Introduction to the Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia), Ltd., 1975), hal. 3.

¹⁴ Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Jones, *Sistem Undang-Undang Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hal. 13-15.

¹⁵ Lihat J.N. Kyshe, "Judicial History of the Straits Settlements, Straits Settlements, 1786-1890", Reprinted dalam *Malayan Law Review*, Vol. II (1969), No. 1.

tahun 1786.¹⁶ Piagam ini telah membawa undang-undang England ke Pulau Pinang.¹⁷ Piagam Keadilan Diraja Kedua pula diberikan pada tahun 1826, untuk meluaskan kuasa Mahkamah-mahkamah Keadilan Prince of Wales Island ke Singapura dan Melaka.¹⁸ Piagam Ketiga pula diberikan pada tahun 1855 untuk menyusun semula mahkamah yang telah diwujudkan pada masa itu.¹⁹

Berhubung dengan undang-undang Islam di negeri-negeri Selat, pihak penjajah British menggubal Ordinan Perkahwinan Mohamedan 1880, No. 5 tahun 1880 untuk mengurus tadbir undang-undang perkahwinan Islam.

Sebagai perkembangan selanjutnya, pada awal abad kedua puluh, pengkanunan undang-undang Islam di Turki dan Mesir diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan dikuatkuasakan di Johor. Undang-undang itu ialah Majallat al-Ahkam diterjemahkan sebagai Majalah Ahkam Johor (1331 A.H.) dan Kanun Qadri Pasha (Mazhab Hanafi) diterjemah dan dikenali sebagai Ahkam Shariyyah Johor (1949).²⁰ Perlembagaan Johor 1895 juga ada dipengaruhi oleh undang-undang Islam.²¹

Perlembagaan Terengganu 1911 juga dipengaruhi oleh undang-undang Islam.²² Malahan terdapat undang-undang mahkamah 1885 Terengganu yang membuat beberapa peruntukan mengenai pentadbiran undang-undang Islam.

¹⁶ E. Traapand, A Short Account of Prince of Wales Island, 1788, Reprinted, 1962.

¹⁷ Ong Cheng Neo lwn. Yeop Cheah Neo (1872), 1 Ky 326.

¹⁸ (1858) K Ky. 16.

¹⁹ Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, op.cit., hal. 19.

²⁰ Majalah Ahkam Johor, 1331 A.H.; Ahkam Shariyyah Johor, 1949.

²¹ "Laws of the Constitution of Johore", Malayan Constitutional Documents Vol. 2.

²² "Laws of the Constitution of Trengganu", 1911, Malayan Constitutional Documents, No. 2.

Beberapa perkembangan di atas menunjukkan, masyarakat Islam di Malaysia telah mencuba untuk mengubahsuai beberapa undang-undang adat kepada undang-undang Islam sebelum kedatangan British. Perubahan-perubahan berlaku pada masa itu berjalan dengan baik dan tiada apa-apa pertelagahan dan komplik dengan mana-mana pihak.

Setelah Perjanjian Pangkor 1874 termeterai yang membawa kepada penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895 dan perjanjian-perjanjian 1909 antara negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dengan pihak British yang menjadikan negeri-negeri itu sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, yang dengan sendirinya menerima Residen dan Penasihat British, termasuk Johor pada tahun 1914,²³ perubahan besar telah berlaku terhadap perkembangan undang-undang Islam.

Penerimaan Residen dan Penasihat British oleh raja-raja Melayu, melalui perjanjian-perjanjian berkenaan, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu telah menerima pakai undang-undang Inggeris, yang diambil dari India. Ini termasuk undang-undang jenayah, acara jenayah, keterangan, kontrak, tanah dan perdagangan, semuanya berdasarkan prinsip undang-undang Inggeris dengan meninggalkan pengamalan undang-undang Islam dan adat Melayu. Bermula pada masa yang sama pengamalan undang-undang Islam yang telah mengubahsuai adat

²³ Mohamed Suffian Bin Hashim, An Introduction To The Constitution of Malaysia (Kuala Lumpur: Government Printer, 1976), hal. 2-3.

Melayu terhad pemakaian hanya di dalam bidang undang-undang kekeluargaan, warisan dan beberapa aspek kesalahan-kesalahan di dalam undang-undang Islam.²⁴

Akibat dari campurtangan British terhadap pentadbiran Mahkamah Syariah, bidangkuasa mahkamah ini dihadkan dan tarafnya telah jatuh dan rendah daripada Mahkamah Sivil. Selepas berkuatkuasa Ordinan Mahkamah-mahkamah 1948 yang menubuhkan sistem kehakiman persekutuan, Mahkamah-mahkamah Kadi dan Naib Kadi di negeri-negeri Melayu telah ditinggalkan daripada hierarki mahkamah yang berfungsi pada masa itu.²⁵

Bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Kadi jelas dapat dilihat setelah berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor, 1952 yang merupakan enakmen yang lengkap pertama digubal untuk menjalankan pentadbiran Islam di Malaysia. Dengan wujudnya enakmen contoh ini, pemakaian undang-undang Islam terhad kepada hanya penganut agama Islam dalam tiga bidang sahaja, iaitu undang-undang berhubung kekeluargaan, pusaka dan beberapa kesalahan berhubung dengan perkahwinan dan perceraian dan kesalahan-kesalahan Islam. Bidangkuasa pentadbiran undang-undang Islam ini kemudiannya diletakkan di bawah kuasa negeri, sebagaimana termaktub di dalam Jadual Kesembilan senarai 2 - Senarai Negeri, di dalam Perlembagaan Malaysia.

²⁴ Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joneid, *op.cit.*, hal. 66-90.

²⁵ Lihat contoh-contoh perbincangan mengenai pentadbiran Mahkamah-mahkamah kadi pada masa penjajahan British di Malaysia dalam Abdullah Alwi Hassan, "Perundangan dan Pentadbiran Islam Terengganu di Zaman British", SARJANA (Jurnal Fakulti Sastera & Sains Sosial, Keluaran Khas, 1994, hal. 71-97; The Administration of Islamic Law in Kelantan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), hal. 26-57.

Dengan berkuatkuasa pentadbiran undang-undang Islam terhad ini dengan secara langsungnya menyebabkan perkembangan undang-undang Islam terbantut. Semua pentafsiran undang-undang Islam yang tidak dilaksanakan di mahkamah ditafsir secara persendirian oleh para ulama' dan para intelektual yang kadang-kadang boleh menimbulkan perselisihan disebabkan oleh perbezaan perspektif, yang berpunca dari keberlainan asas pendidikan dan skop pengetahuan yang mempunyai satu arah tujuan tersendiri.

Sejarah Permasalahan Intelektual Dalam Pembinaan Hukum

Faktor utama yang melahirkan permasalahan dalam pembinaan hukum ialah wujudnya dualisme dalam pendidikan (*thuna'yyat al-ta'lim*). Fenomena ini berlaku setelah pihak penjajah Barat berjaya memisahkan agama dari politik, undang-undang dan pendidikan, sebagaimana telah berlaku di Barat apabila Galileo Galilei (1564-1642) disingkir daripada Gereja setelah ia mengemukakan teori bahawa dunia hanya merupakan satu planet yang mengelilingi matahari.²⁶ Ini diikuti oleh Francis Bacon (1561-1626) di England dan Rene Descartes (1596-1650) di Perancis yang berpendapat alam tabi'i tidak mempunyai nilai-nilai kerohanian dan sifat-sifat kemanusiaan.²⁷

Keadaan bertambah buruk lagi, selepas tercetusnya Revolusi Perindustrian di Eropah dan Revolusi Perancis pada akhir abad ke-18 M. Selepas dua revolusi ini berlaku gereja tidak lagi mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia Eropah, selepas kekalahannya bertarung dengan penemuan-penemuan baru di dalam

²⁶ Lihat perbincangan mengenainya dalam Tengku Azzman Shariffadeen, Sains dan Teknologi Untuk Pembangunan, Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam, U.K.M., Bangi, Selangor,

bidang sains dan teknologi. Mulai dari masa ini sains dan teknologi menjadi teras peradaban manusia. Malahan Revolusi Perancis telah dianggap sebagai penunjuk jalan ke arah keadilan dan kesempurnaan ras manusia.²⁸

Pada masa ini juga, Teori Evolusi oleh Charles Darwin (1808-1882), seorang ahli biologi Inggeris telah diterima umum, sama ada di dalam bidang sains tabi`I atau pun sains sosial. Menurut teori ini, kemajuan manusia untuk mencapai kesempurnaan juga melalui proses evolusi. Malahan proses evolusi ini meliputi keseluruhan kemajuan sosio-budaya.²⁹ Konsep evolusi ini telah menggabungkan semua bidang ilmu yang melandaskannya kepada metafizik materialisme. Auguste Comtel (1785-1857), ahli falsafah Perancis pula menegaskan sejarah kemajuan intelek manusia telah melalui proses evyolusi yang mempunyai tiga tahap, iaitu tahap keagamaan, tahap metafizik dan tahap sains. Tahap sains adalah tahap pencapaian teragung oleh manusia.³⁰ Sehubungan itu, semua para sarjana Barat sepakat menerima bahawa pembangunan materialisme adalah sebagai dasar utama dalam satu-satu kepercayaan dan panduan hidup.

Pegangan sedemikian telah tersebar luas ke negara-negara Islam dengan tersebarnya fahaman sekularisme di kalangan umat Islam yang bermula pada abad ke-19 dan ke-20 Masihi. Gerakan ini adalah berdasarkan kepada Westernisme dan menjurus kepada `de-islamisasi`, yang dengan sendirinya juga terpalit ke arena undang-undang dan perundangan Islam.

1981.

²⁷ Encyclopaedia Britannica, 1977/16, hal. 370.

²⁸ Encyclopaedia Britannica, 1977/4e, hal.657.

²⁹ Encyclopaedia Britannica, 1977/1x, hal. 310.

Semasa penjajahan Inggeris bertapak di Malaysia, mereka juga meninggalkan sistem pendidikan Inggeris, yang sama dengan yang ada di negeri-negeri Barat. Sistem ini bersifat sekular, berteraskan kepada dualisme, di mana pendidikan sains dan teknologi dan sains sosial diceraikan dari ilmu agama. Setiap pengajian dan pengkajian sains tidak dihubungkan secara langsung dengan ilmu ketuhanan dan keagamaan. Keadaan ini berterusan di peringkat universiti sehingga selepas zaman Malaysia merdeka. Di dalam bidang undang-undang Islam mata-mata pelajaran undang-undang Islam hanya diajar di beberapa jabatan, fakulti, akademi dan pusat pengajian Islam sahaja. Selain daripada kuliyyah undang-undang dan kulliyah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, di lain-lain jabatan dan fakulti tidak ada pengajian perundangan Islam ditawarkan.³¹

Walau bagaimana pun pengajian perundangan Islam di pusat-pusat Pengajian Tinggi Malaysia telah mencapai kemajuannya tersendiri, kerana selain dari terus mempelajari dan mengkaji teks-teks klasik berhubung dengan pengajian fiqh dan usul al-fiqh, mata-mata pelajaran undang-undang sekular, seperti undang-undang Sivil Malaysia dan Inggeris juga diajar sebagai pengajian perbandingan.³² Penyelidikan-penyelidikan juga dibuat di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia, terutamanya dalam bidang pentadbiran undang-undang Islam dan Ekonomi.³³ Tetapi terlalu sedikit sekali kajian-kajian dibuat di dalam bidang-bidang undang-undang berkenaan dengan hiburan, makanan, pakaian, pendidikan, sosia, politik, perubatan, sains tabi'i, sains

³⁰ Shahrir Mohamad Zain, Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), hal. 16.

³¹ Untuk mengetahui keterangan lebih lanjut lihat Abdullah alwi Haji Hassan, "Pengajian Undang-Undang Islam Di Pusat Pengajian Tinggi", dalam Undang-Undang Islam dan Amalannya Di Malaysia (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), hal. 288 et seq.

³² Ibid.

³³ Ibid., hal. 123-129.

gunaan dan teknologi. Ini mungkin disebabkan kekurangan kepakaran di kalangan pakar perundangan Islam di dalam bidang-bidang berkenaan. Di dalam bidang-bidang inilah yang selalu menimbulkan masalah intelektual kepada pembinaan Hukum Islam semasa.

Apakah masalah-masalah Intelektual berhubung dengan undang-undang Islam?

Punca utama permasalahan intelektual di dalam pembinaan Hukum Islam ialah pemisahan antara pengetahuan hukum dengan perkembangan sains Barat, sama ada di dalam bidang sains tabi'ī dan sains sosial. Ini mengakibatkan para ulama' jahil mengenai alam fizikal dan para intelektual tidak arif berhubung dengan undang-undang agama. Mereka melihat setiap isu-isu terkini melalui perspektif yang berbeza, beralasan kepada latar belakang pendidikan yang berlainan. Jarak antara ulama' ilmu aqli dan sarjana ilmu aqli makin berpisah jauh. Untuk penyelesaiannya, sistem pendidikan hendaklah diintegrasikan supaya konsepsi ilmu dapat disepadukan. Sekiranya kesepaduan ilmu ini tidak dicapai, kekurang-kurangannya ke tahap tujuh puluh peratus, maka institusi ijtihad yang ingin dimahkotakan kembali hampir mustahil untuk direalisasikan dengan secara sempurna.

Masalah-masalah perundangan makin bertambah dan penyelesaian tandingan belum boleh dicapai sepenuhnya. Antara masalah-masalah intelektual berhubung dengan undang-undang Islam adalah seperti berikut:

I - Masalah undang-undang berhubung dengan politik dan pentadbiran

Penjelasan tentang peraturan-peraturan pemilihan umum, kepimpinan, syura, hak wanita dalam politik dan pentadbiran, hak warganegara bukan Islam masih lagi

menjadi teori terlalu umum untuk digunapakai di Malaysia. Kalau pun sudah mula dipraktikkan, tetapi tidak mencerminkan kaedah yang diterima, sebagaimana perantikan menteri wanita oleh UMNO atau wakil negeri ke Dewan Negara oleh PAS. Begitu juga sejauh mana peranan undang-undang Islam menjadi asas utama di dalam Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam 1984 di dalam pentadbiran negara Malaysia.³⁴ Permasalahan ini perlu diterang dan jelaskan dengan berani dan penuh tanggungjawab oleh setiap pakar undang-undang Islam supaya dapat diterima sebagai modus operandi kepada pemerintah.. Walau pun persoalan ini telah dibincang beberapa kali sebelum ini, tetapi ianya bersifat teori sahaja.³⁵

II - Undang-Undang

a - Undang-Undang Jenayah Islam (Hudud)

Persoalan ini telah menjadi isu kontroversi setelah Kerajaan PAS Kelantan membentangkan rang Enakmen Jenayah Syariah (II) 1993. Beberapa reaksi telah disuarakan oleh pelbagai pihak. Antaranya ada yang mensifatkan undang-undang ini tidak berlaku adil kepada wanita, kerana mereka tidak diberi peluang untuk menjadi saksi, pembubaran perkahwinan oleh suami yang membuat tuduhan *al-li`ān*, pembayaran separuh dari diyat lelaki dan lain-lain lagi.³⁶

Persoalan yang ditimbulkan ialah persamaan antara jantina, sedangkan Islam telah menetapkan hak antara jantina mengikut naluri dan tabiat semula jadi kejadian

³⁴ Husin Mutalib, *Islam In Malaysia - From Revivalism To Islamic State* (Singapore: Singapore University Press, 1993), hal. 29-41.

³⁵ Lihat Muhammad al-Baki, *al-Islam Fi Hall Mashakil al-Mujtaama`at al-Islamiyyah al-Mu`asirah* (Kaherah: maktabah Wahbah, 1978), hal. 9-146.

³⁶ Lihat Memorandum to Prime Minister on the Syariah Criminal Code (II) 1993 State of Kelantan, dalam, Rose Ismail, *Hudud In Malaysia - The Issues at State* (Kuala Lumpur: Sis Forum (Malaysia) Berhad, 1995), hal. 7-8.

manusia. Para pakar perundangan Islam perlu menerangkan apakah hak antara jantina Islam, termasuk berhubung dengan hak wanita. Di sana terlalu banyak ketidaksamaan dari segi luaran, tetapi pemberian hak ini diberi secara penentuan dari sudut keadilan semulajadi.³⁷

Berhubung dengan undang-undang jenayah ini juga pakar-pakar undang-undang Islam belum lagi dapat menyelesaikan masalah jenayah jalanraya seperti langgar lari dan kesaiahan-kesaslahan jalanraya yang berlaku begitu banyak setiap hari. Kesalahan-kesalahan berhubung alam sekitar juga belum ditangani dengan baik, seperti pembuangan sisa toksik, penebangan kayu-kayan,³⁸ pembuangan sampah di dalam sungai dan pengeluaran asap oleh kilang-kilang dan kenderaan dan hak perlindungan kepada pekerja wanita dan lelaki di kilang dan lain-lain.³⁹ Undang-undang juga belum diterangkan berhubung dengan pengidap-pengidap penyakit berjangkit melalui perhubungan seks (sexually transmitted diseases), seperti HIV, AIDS dan lain-lain.

III - Persoalan Gender

Masalah terbaharu yang perlu difahami dengan mendalam oleh pakar-pakar perundangan Islam di Malaysia ialah isu gender (Latin; genus) atau jantina. Sepatutnya persoalan gender ini untuk melayani kepuasan kedua-dua jantina, tetapi malangnya ia hanya terikat dengan jantina perempuan atau dengan kata-kata beradabnya jantina halus wanita sahaja. Persoalan ini hangat dibincangkan sehingga wujud pengajian gender di Malaysia sekarang, berasaskan apa yang telah diasaskan di

³⁷ Muhammad Hamidullah, Introduction to Islam (London: MWH London Publisher, 1979), hal. 134-145.

Barat. Persoalan ini sudah tentu banyak membincangkan betapa tidak adilnya dunia lelaki melayani wanita. Menurut Dr. Anis Ahmad, di dalam bukunya "Women and Sosial Justice", beliau mengambil pendekatan pemusatan etika (the ethicocentric approach). Kepada beliau Islam tidak melakukan diskriminasi terhadap wanita disebabkan mereka itu adalah wanita. Kalau ada ketidakbersamaan pada zahirnya adalah disebabkan tanggungjawab etika (ethical responsibility). Contohnya seperti di dalam struktur keluarga, sekiranya seorang suami diberi satu tanggungjawab, dari segi etikanya individu ini sudah tentu memerlukan sesuatu yang lebih. Tidak mungkin seseorang itu mempunyai tanggungjawab tanpa autoriti. Begitu juga kalau tanggungjawab itu diberikan kepada wanita. Ini tidak melibatkan sama ada ia lelaki atau perempuan. Persoalan ini melibatkan semua bidang undang-undang termasuk pusaka, saksi, hak talak dan lain-lain.⁴⁰ Jawapan-jawapan jitu diperlukan di dalam persoalan gender ini. Isu gender ini juga melibat undang-undang kerja, berhias,⁴¹ berseni, bersukan, pendidikan, profesion perundangan, kekeluargaan dan lain-lain lagi yang perlu diberi garis panduan dengan jelas oleh pakar perundangan Islam di Malaysia. Tanpa penjelasan ini, umat Islam terkapai-kapai kebingungan untuk mencari jawapannya.

IV - Kesenian

Masalah ini juga menjadi persoalan kontroversi di Malaysia. Apakah sebenarnya kesenian Islam itu? Antaranya nyanyian dan muzik, tetapi apakah pentakrifan sebenar mengenai muzik Islam di Malaysia? Adakah ia ia hanya bersifat

³⁸ New Straits Times (Life & Times), 6 Mei 1997, hal. 1.

³⁹ Utusan Malaysia, 3 April 1997, hal. 7; dan 6 Mei 1997, hal. 6.

⁴⁰ Mrs. Jamshidin, "Interview with Dr. Anis Ahmad", dalam Mahjubah (The Islamic Magazine For Women), Vol. 16, No. 4 (155), (April, 1997), hal. 31-33.

⁴¹ Utusan Malaysia, 3 Jun 1997, hal. 37.

nasyid seperti yang dipopularkan kumpulan-kumpulan Raihan,⁴² The Brothers dan lain-lain itu sahaja, atau ia bersifat lebih luas lagi.⁴³

Berhubung dengan pertunjukan pentas pula, adakah seperti taridra, drama, teater,⁴⁴ muzik tradisi, bangsawan, lawak jenaka (satire), berdirir barat, tarian semua haram atau halal? Apakah Islam tidak perlu kepada semua seni ini?⁴⁵ Berhubung dengan perfileman pula, bagaimana filem bercorak Islam? Sejauh manakah Akta Filem (Penapisan) 1952) perlu dipinda supaya bersesuaian dengan undang-undang perfileman Islam.⁴⁶ Perlu disedari ^{bukan} filem-filem bercorak Islam seperti filem al-Masir arahan Yusuf Khahin dari Mesir telah memenangi hadiah utama Palm D'or di Pesta Filem Cannes 1997, di Cannes, Perancis.⁴⁷

Lukisan, arca, senibina semua bentuk dekorasi rumah dan luar rumah dan sastera pula bagaimanakah seharusnya ia bersifat Islam? Semua ini perlu penjelasan yang boleh meyakinkan kepada pihak yang terlibat dalam bidang ini. Industri di dalam bidang kesenian dan juga pelancongan amat luas dan berkembang di Malaysia sekarang yang melibat modal yang besar dan penceburan orang-orang Islam di dalam bidang ini amat diperlukan.

⁴² Utusan Malaysia, 6 Februari 1997, hal. 6; utusan malaysia, 12 Jun 1997, hal. 1 dan 5.

⁴³ Lihat Ku Seman, "Nasyid Manifestasi Nilai Masyarakat", dalam Getaran Seni, Utusan Malaysia, 22 Mei 1997, hal. 6.

⁴⁴ Utusan Malaysia, 10 Mei 1997, hal. 33-34; 9 April 1997, hal. 17.

⁴⁵ Contohnya lihat Utusan Malaysia, 27 Mei 1997, hal. 47-48.

⁴⁶ Utusan Malaysia, 23 Mei 1997, hal. 21.

⁴⁷ Utusan Malaysia, 23-24 Mei 1997, hal. 16 & 18.

IV - Gejala Sosial

Sudah tentu sekali gejala sosial juga melibat masalah perundangan Islam. Persoalan yang timbulnya bagaimanakah undang-undang Islam boleh mengawal gejala sosial ini. Antaranya apakah undang-undang Islam boleh menangani masalah pergaulan bebas, sama ada antara mahram atau bukan mahram? Tanpa peraturan ketat terhadap perkara ini boleh merebak perlahan-lahan yang melibatkan perzinaan, sumbang mahram, rogol,⁴⁸ pelacuran, perjudian, ponteng sekolah dan kerja, rasuah,⁴⁹ salahguna kuasa,⁵⁰ lepak, buang bayi,⁵¹ pondan, lari dari rumah, tidak amanah, perlakuan sumbang, pengganggu seks (sexual harassment), penyalahgunaan dadah, merokok, minum arak, vandalisme,⁵² lumba haram, konsert rock dan rap dan lain-lain lagi. Semuanya adalah merupakan masalah sosial di Malaysia yang mana bilangan pelaku terbitnya adalah terdiri dari kalangan orang-orang Islam, sama ada golongan remaja ataupun dewasa.⁵³

Semua perlakuan dan amalan ini jelas bertentangan dengan undang-undang Islam, tetapi persoalan ini memerlukan jawapan segera dari pakar-pakar undang-undang Islam bagaimanakah jalan penyelesaiannya bersesuaian dengan keadaan, suasana dan persekitaran Malaysia.

⁴⁸ New Straits Times, 19 Mei 1997, hal. 2; 4 Jun 1997, hal. 1; Utusan Malaysia 17 Mei 1997, hal. 1-2.

⁴⁹ Abu Kassim Mohamed "Antara Hadiah dan Rasuah", Utusan Malaysia, 6 Februari 1997, hal. 6; New Straits Times, 2 Mei 1997, hal. 8.

⁵⁰ New Straits Times, 19 Mei 1997, hal. 2.

⁵¹ Lihat The Malay Mail, 16 Mei 1997, hal. 2.

⁵² The Malay Mail, 16 Mei 1997, hal. 6; Utusan Malaysia, 6 Mei 1997, hal. 4; Utusan Malaysia, 6 Februari 1997, hal. 1.

⁵³ New Straits Times, 5 Jun 1997, hal. 17.

V - Sains dan Teknologi

Penemuan-penemuan baru tetap mencabar para ilmuan hukum Islam menyelesaikan berbagai-bagai masalah. Dari segi perubatan termasuk pertukaran jantina, ibu tumpang, perklonan binatang mengikut ilmu genetik dan pengklonan manusia,⁵⁴ bank air mani, permainan berhadass, penggunaan alat-alat perancang mengandung,⁵⁵ pengguguran kandungan, bayi tabung uji, pematian paksa, pendermaan dan penjualan anggota.⁵⁶ Walau pun Mahmud Shaltut⁵⁷ dan Yusuf al-Qardawi⁵⁸ telah membincangkannya, tetapi para fuqaha' tempatan perlu mempunyai pendiriannya sendiri berhubung dengan perkara-perkara berkenaan untuk menjelaskan lagi hukum yang diamalkan oleh masyarakat tempatan.

Pada zaman pasca moden ini pula, terdapat perkembangan sains maklumat yang terlalu canggih. Umat Islam terdedah kepada berbagai-bagai persoalan perundangan yang seharusnya ditangani oleh para pakar perundangan Islam secara local dan juga global. Antaranya, pencerobohan hak-hak individu, maklumat lucah, hiburan^{muzik} berbentuk kegilaan (musical mania), penyelewengan kewangan dan pembongkaran rahsia peribadi dan negara dan juga bagaimana pula peraturan mencegah Fobia Komputer?⁵⁹ Jenayah-jenayah komputer juga perlu ditangani oleh undang-undang Islam⁶⁰

⁵⁴ Lihat Sains dan Teknologi, Utusan Malaysia, 6 mei 1997, hal. 17; Utusan Malaysia, 10 Mei 1997, hal. 38; Utusan Malaysia, 16 Mei 1997, hal. 7.

⁵⁵ New Straits Times, 6 Februari 1997, hal. 9.

⁵⁶ New Straits Times (Life & Times), 9 April 1997, hal. 1.

⁵⁷ Mahmūd Shaltūt, al-Fatāwā (Kaherah, Matba'ah al-Idārah al-Āmmah Li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, al-Azhar, 1959), hal. 263-265 dan 382-392.

⁵⁸ Yusūf al-Qardāwī, al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām (Beirut: al-Maktab al-Islāmī Li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, 1967), hal. 160-167 dan 188.

⁵⁹ Utusan Malaysia, 9 April 1997, hal. 35.

⁶⁰ Ibid., 28 Mei 1997, hal. 6.

VI - Ekonomi Islam

Bidang undang-undang ekonomi Islam adalah termaju sekali perkembangannya kalau dibandingkan dengan bidang undang-undang lain. Undang-undang di bidang ini diterokai dengan baik di Malaysia, walaupun masih terdapat pelbagai rintangan yang perlu diatasi. Untuk mengatasi persoalan-persoalan pelaburan di dalam syarikat bukan Islam dan separuh Islamik, *bay' al-dayn*, dan juga masalah pengistilahan bertindih, berbeza dan kadang-kadang tidak menepati pengertian sebenar mengikut sistem kewangan konvensional boleh diatasi dengan cara pembentukan badan penyelaras di peringkat kebangsaan, yang dianggotai oleh pakar-pakar kewangan konvensional dan undang-undang Islam.

Kemajuan yang telah dicapai sehingga kini adalah menggalakannya dan boleh dikatakan terkedepan dari negara-negara Islam lain, sama ada dalam urusanniaga saham, pelaburan, perbankan,⁶¹ gadaian, unit trust, insurans,⁶² kontrak, tabungan⁶³ dan lain-lain lagi. Walau bagaimana pun ia perlu dipertingkatkan lagi penglibatan oleh pakar perundangan Islam untuk memahami sistem ekonomi konvensional, supaya dapat disesuaikan pemakaiannya dengan sistem undang-undang Islam.

Kesimpulan

Untuk merumuskan perbincangan mengenai permasalahan “Intelektual Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia”, para ulama' hukum sewajibnya memahami ilmu-ilmu psikologi, sosiologi, ekonomi, politik,⁶⁴ sains dan teknologi.

⁶¹ Utusan Malaysia, 23 Mei 1997, hal. 21.

⁶² Utusan Malaysia, 15 Mei 1997, hal. 12.

⁶³ Seperti Tabung Ittikal Kuala Lumpur. Lihat New Straits Times, 11 April 1997, hal. 30.

⁶⁴ Yusuf al-Qardlawy, terj. Itiḥād Dalam Syariat Islam (Terj. Drs. Achmad Syathori) (Jakarta: PT Bulan Bintang, 1987), hal. 61.

Tanpa ilmu-ilmu berkenaan tidak mungkin seseorang pakar undang-undang Islam dapat mengeluarkan ijtihad hukum baru. Ilmu-ilmu ini perlu dimiliki oleh mereka kerana aliran pemikiran intelektual sudah tersimpang jauh dari fahaman Islam, hasil dari aliran dualisme di dalam pendidikan Barat.

Pembinaan hukum Islam di Malaysia seharusnya mengikut perkembangan ilmu yang tinggi, kerana Malaysia menghadapi perkembangan kemajuan yang pesat dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pembinaan bandaraya Cyberjaya nanti. Dunia telah menjadi kampung sejagat (global village), semua maklumat terkini sama ada baik atau sebaliknya akan dimiliki oleh setiap individu Muslim Malaysia dalam masa yang singkat. Sehubungan itu, undang-undang Islam sentiasa tercabar untuk menandingi kepesatan kemajuan sains dan teknologi berkaitan. Setiap masa kemajuan ini mencabar para pakar perundangan Islam untuk memberi penjelasan mengenai perundangan yang ada perkaitan dengannya.

Untuk menjawab semua persoalan ini, mahkamah Syariah bukan sahaja perlu diseragamkan,⁶⁵ tetapi sumber-sumber rujukan undang-undang Islam semasa dan terkini sewajibnya diterbitkan sekurang-kurangnya dalam 10 buah buku setahun. Di samping itu, Majlis Fatwa Kebangsaan pula perlu mempunyai unit khas yang memonitor setiap perkembangan dan isu baru yang mempunyai hubungkait dengan undang-undang Islam dan di dalam mesyuarat bulanannya akan memutuskan dan mengeluarkan Fatwa sendiri berkaitan dengan isu berkenaan yang diterbitkan di dalam jurnal atau buletin bulanannya. Hanya dengan gerak kerja sedemikian sahajalah, setiap

⁶⁵ Mahkamah Syariah akan diseragamkan mulai Oktober 1997, lihat Utusan Malaysia, 22 Mei 1997, hal. 1.

isu hukum di kalangan intelektual yang berlaku di Malaysia dari semasa ke semasa boleh diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Prof. Madya Dr. Abdullah Alwi Haji Hassan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur.